



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KENYATAAN MEDIA**

### **CADANGAN PENANGGUHAN/PENJADUALAN SEMULA 3 BULAN PEMBAYARAN PINJAMAN DI BAWAH SKIM MIKRO KREDIT UNTUK PARA USAHAWAN WANITA DARIPADA GOLONGAN B40**

---

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengklasifikasikan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 12 Mac 2020 yang lalu akibat daripada peningkatan jumlah mangsa positif COVID-19 dan jumlah mangsa yang terkorban.

Berikutan penularan wabak ini yang terlalu cepat di negara ini, secara langsung telah menjejaskan ekonomi negara dalam pelbagai sektor antaranya pelancongan, perkhidmatan dan perniagaan atas faktor keselamatan dan kesihatan diri. Usahawan-usahawan kecil yang terdiri daripada wanita khususnya dari golongan B40 turut terjejas akibat wabak COVID-19 ini.

Bagi membantu para usahawan wanita daripada golongan B40 yang pendapatannya terkesan berikutan penularan wabak COVID-19 ini, langkah segera yang akan di ambil oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah untuk mencadangkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, TEKUN Nasional serta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memberi penangguhan / penjadualan semula pembayaran balik di bawah skim mikro kredit. sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.

Cadangan ini diangkat bagi tujuan membantu para usahawan wanita golongan B40 yang terpaksa menanggung kerugian yang tinggi akibat daripada kekurangan hasil perniagaan berikutan penularan wabak COVID-19.

Dengan cara ini, kerajaan dan pihak yang terbabit bukan sahaja dapat meringankan bebanan penderitaan akibat wabak COVID-19 khususnya bagi usahawan wanita dan keluarga yang dijangkiti tetapi juga dapat meringankan desakan ekonomi yang dihadapi oleh mereka pada masa ini.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

16 Mac 2020

###